

Ahad, Jan 14 2018

Kastam tangguh cadangan pengkorporatan

BH 14/1

Sintok: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menangguhkan cadangan pengkorporatan yang dijadualkan dilaksanakan bulan ini sehingga kajian dijalankan siap sepenuhnya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Subromaniam Tholasy, berkata pihaknya sedang membuat kajian dengan melakukan lawatan ke beberapa negara sebagai rujukan sebelum boleh melaksanakan cadangan berkenaan.

"Belum ada keputusan dibuat dan tiada perubahan sehingga satu masa kelak kerana kita hendak menilai kesesuaian, pihak pengurusan tertinggi akan melihat model (negara lain) sebelum menyediakan kertas Kabinet.



Kita tidak mahu terburu-buru membuat perubahan dan terpulang kepada kerajaan untuk melihatnya selepas ini"

Subromaniam Tholasy,
Ketua Pengarah JKDM

"Kajian sudah dibuat cuma dari segi lawatan akan dilakukan untuk melihat baik buruknya jika pengkorporatan dilaksanakan," katanya selepas majlis Penganugerahan Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan ke-12 di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, semalam.

Pada majlis itu, seramai 50 pegawai termasuk kakitangan sokongan JKDM yang mengikuti program Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan (DEPP) selama empat semester di UUM, menerima sijil masing-masing.

Subromaniam berkata, JKDM sehingga kini menjadikan beberapa negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Afrika Selatan dan Singapura sebagai rujukan

bagi tujuan pengkorporatan.

Tak tetap jangka masa kajian

Katanya, tiada jangka masa ditetapkan bagi kajian yang dijalankan itu sebelum pengkorporatan boleh dilaksanakan.

"Kita akan pergi ke lima hingga enam negara kerana ada yang membuat pengubahsuaian dari segi fungsi di sempadan. Jadi kita nak tengok mana yang sesuai. Contohnya, di Amerika Syarikat selepas insiden 11 September, kastam mereka dipecahkan kepada dua.

"Kita tidak mahu terburu-buru membuat sesuatu perubahan dan terpulang kepada kerajaan untuk melihatnya selepas ini," katanya.

Mengenai kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada tahun lalu, Subromaniam berkata JKDM berjaya mencapai sasaran iaitu RM42 bilion.

Bagaimanapun, katanya, jumlah sebenar kutipan GST pada 2017 akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Kerajaan membuat keputusan yang baik dengan melaksanakan GST, malah negara Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) juga turut membuat sistem sama.

"GST melonjakkan Malaysia dari segi daya saing negara termasuk peningkatan eksport selain menyumbang kepada pengukuhan ringgit dan ekonomi yang baik," katanya.